

26 AUG 1996

BUSINESS FOCUS BELI KEPENTINGAN MAJORITI DALAM KILANG KERETA CHINA

Oleh: Zainoor Sulaiman

BEIJING, 26 Ogos (Bernama) -- Kumpulan Business Focus, melalui anak syarikatnya Business Focus Engineering Sdn Bhd, hari ini menandatangani satu perjanjian dengan China Aerospace International Holding Ltd (CASIL) bagi membeli 50 peratus ekuiti dalam Kilang Pembuatan Keretanya (Kilang Huahang) di Guizhou, China.

Penandatanganan ini telah disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sejurus selepas beliau menyampaikan ucapan pentingnya pada pembukaan Dialog Beijing mengenai Perkongsian Malaysia-China, di China World Hotel, di sini.

Pengerusi eksekutif Business Focus, Datuk Amin Shah Omar Shah menandatangani perjanjian itu dengan CASIL yang diwakili oleh pengerusi merangkap presidennya Dr. Wang Mei Yue.

CASIL memiliki 95 peratus kepentingan dalam kilang Huahang yang merangkumi Guizhu Huahang Automotive Manufacturing Company Ltd dan Huatian Automotive Parts and Accesories Company Ltd. Baki 5.0 peratus dipegang oleh China Jiangnan Space Industry Company Group (CJSICG).

Kilang ini yang mengeluarkan kereta jenis ringan termasuk trak ringan, kenderaan kemudahan awam, alat ganti kenderaan dan aksesori memulakan pengeluarannya pada tahun 1993.

Dengan penandatanganan perjanjian itu, Business Focus memegang 50 peratus kepentingan dan syarikat itu, manakala CASIL 45 peratus dan CJSICG 5.0 peratus.

-- BERNAMA

ZS KY MA